

# APAKAH ITU TB?

Batuk kering atau tuberkulosis (TB) disebabkan oleh bakteri, *Mycobacterium tuberculosis* dan terdapat 2 jenis TB.



## PENYAKIT TB AKTIF

Seseorang yang menghidap TB aktif mungkin **berjangkit** dan **mungkin menunjukkan gejala TB**



## JANGKITAN TB TERPENDAM

Seseorang yang menghidap LTBI **tidak berjangkit** dan **tidak menunjukkan gejala TB**



# BAGAIMANAKAH TB BERJANGKIT?

TB biasanya merebak melalui pendedahan secara rapat dan berpanjangan dengan individu yang menghidap TB aktif. Contohnya, melalui perkongsian ruang tertutup berhawa dingin atau pengudaraan yang kurang baik bagi tempoh yang lama\*.

\*tempoh yang lama: 8 jam atau lebih, secara kumulatif



## TB BOLEH BERJANGKIT MELALUI...



Tinggal serumah



Berkongsi ruang tertutup untuk tempoh yang lama


## TB TIDAK BOLEH BERJANGKIT MELALUI...



Berjabat tangan dengan seseorang



Berkongsi makanan atau minuman



Menyentuh cadar atau tempat duduk tandas



National Centre for  
Infectious Diseases

# APAKAH GEJALA-GEJALA TB YANG PERLU DIAWASI?



Berpeluh Pada Sebelah Malam



Demam Berterusan



Batuk berterusan selama 2 minggu atau lebih lama



Keletihan



Penurunan Berat Badan



Sakit Dada



Darah dalam Kahak



# APA YANG PERLU DILAKUKAN JIKA ANDA MENGALAMI GEJALA TB?



- 1 Jika tidak sihat, asingkan diri dan dapatkan rawatan dengan segera
- 2 Berjumpa doktor di GP atau poliklinik terdekat
- 3 Beritahu doctor bahawa anda mengalami gejala yang menjurus TB
- 4 Jika disyaki TB, doktor akan lakukan ujian lanjut dan/atau merujuk anda ke Pusat Jagaan Tuberkulosis Kebangsaan (NTBCC) untuk pemeriksaan
- 5 Jika TB (terpendam atau aktif) disahkan, anda akan diberikan rawatan yang sesuai



Tindakan segera melindungi kesihatan anda dan orang sekeliling



National Centre for  
Infectious Diseases